



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

PESARA JABATAN ALAM SEKITAR
DINOBATKAN PENERIMA ‘OZONE AWARDS’ SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-30 PROTOKOL MONTREAL

29 NOVEMBER 2017

1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) amat berbangga kerana salah seorang pesara Jabatan Alam Sekitar (JAS) Puan **Aminah Ali**, telah dinobatkan sebagai penerima atas Anugerah Ozon bagi Kategori Kepimpinan Pelaksanaan Dasar dan Polisi daripada United Nations Environment pada 23 November 2017 ini di Montreal, Kanada bersempena Ulangtahun ke-30 Protokol Montreal Mengenai Bahan Pemusnah Ozon.

2. Beliau yang mula bersara pada Mei 2017 lalu telah berkhidmat sebagai Pegawai Kawalan Alam Sekitar selama 36 tahun. Pemilihan beliau oleh barisan pakar dalam Jawatankuasa Teknikal di bawah United Nations Environment Programme (UNEP) sebagai penghargaan di atas komitmen dan sumbangan beliau dalam melaksanakan program-program perlindungan ozon dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan Protokol Montreal.

3. Puan Aminah Ali menyertai Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1981 dan mula terlibat dalam Protokol Montreal pada tahun 1995 apabila beliau ditempatkan di Unit Protokol Montreal yang seterusnya dinamakan Seksyen Perlindungan Ozon.
4. Malaysia menyertai negara-negara lain di seluruh dunia untuk melindungi lapisan ozon dengan meratifikasi Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal pada 29 Ogos 1989; Pindaan London pada 16 Jun 1993; Pindaan Copenhagen pada 5 Ogos 1993; Pindaan Beijing dan Montreal pada 21 Oktober 2001.
5. Sepanjang penglibatan beliau, Malaysia telah berjaya menghentikan pengimportan *chlorinated hydrocarbons* (CFC), *Halon* dan *carbon tetrachloride* (CTC) mulai 1 Januari 2010 dan telah menerima sumbangan geran daripada Tabung Dana Pelbagai Hala bagi Protokol Montreal untuk Program Kebangsaan Penghapusan CFC fasa pertama (1992-2001) sebanyak USD36.5 juta dan sebanyak USD 11.5 juta bagi fasa kedua (2002-2010).
6. Pada tahun 2011, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke-65 (EXCOM 65) *Multilateral Fund* di Bali telah meluluskan pembiayaan dana MLF bagi Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP - HCFC Phase-Out Management Plan) Peringkat I berjumlah USD 9.6 juta bagi membiayai projek penukaran teknologi dari penggunaan bahan HCFC-141b kepada *cyclopentane* dalam sektor busa (*foam*) di 13 buah premis pembuatan busa dan bantuan teknikal di 4 premis pembuatan polyol serta sektor servis dan pengurusan.

7. Sehingga kini, HPMP Peringkat I telah mengurangkan sebanyak 103 metrik tan HCFC melalui penukaran teknologi bagi menggunakan bahan alternatif selain HCFC, penggubalan atau pindaan kepada akta dan peraturan, kawalan ke atas pengimportan HCFC dan penubuhan pusat perolehan semula refrigeran.
8. Malaysia sekali lagi mengorak langkah ke hadapan apabila HPMP Peringkat II diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke-77 (EXCOM 77) MLF dengan dana sebanyak USD 6.1 juta pada tahun 2016. HPMP Peringkat II merupakan kesinambungan usaha bagi memenuhi komitmen Malaysia sebagai Negara Parti kepada Protokol Montreal untuk mengurangkan 35% penggunaan HCFC menjelang 2020. HPMP Peringkat II akan memberi fokus kepada penukaran teknologi yang menggunakan ‘alternatif bukan HCFC’ (*non HCFC alternative*) dalam sektor pembuatan busa bagi perusahaan kecil dan sederhana. Sebanyak 67 syarikat pembuatan busa telah dikenalpasti untuk menerima geran dan bantuan khidmat nasihat teknikal bagi penukaran teknologi tersebut.
9. Sepanjang penglibatan beliau, Puan Aminah Ali juga merupakan salah satu wakil negara yang aktif dalam rundingan-rundingan antarabangsa bagi memastikan kepentingan negara dalam Protokol Montreal sentiasa terpelihara.
10. Puan Aminah Ali turut terlibat secara langsung sebelum persaraan beliau di dalam Rundingan Pindaan Kigali yang telah dipersetujui di Mesyuarat Parti yang ke-28 pada tahun 2016 di Kigali, Rwanda dengan menumpukan kepada pengurangan penggunaan

Hydrofluorocarbon (HFCs) yang digunakan sebagai bahan alternatif bagi HCFC. Pengurangan HFCs ini bertujuan bagi mengurangkan impak perubahan iklim, di mana bahan tersebut mempunyai *Global Warming Potential* (GWP) yang tinggi.

11. Pindaan Kigali akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 dengan syarat sekurang-kurangnya 20 negara parti kepada Protokol Montreal meratifikasi pindaan tersebut. Malaysia adalah dalam proses untuk meratifikasi Pindaan Kigali dan langkah-langkah pengurangan HFCs dijangkakan akan bermula pada tahun 2024.
12. Sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh beliau dalam perlindungan ozon dan Protokol Montreal adalah tidak ternilai. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar amat berbangga di atas kejayaan beliau. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Puan Aminah Ali.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi: -

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib Bin Che Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Email: aki@doe.gov.my
No Tel: 03- 8871 2046



Puan Aminah Ali (tengah) bergambar kenangan bersama Dato Dr Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (kiri) dan Haji Ismail Bin Ithnin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar (kanan) di majlis meraikan persaraan beliau.



Pn. Aminah Ali semasa majlis penyampaian anugerah Kategori Kepimpinan Pelaksanaan Dasar dan Polisi (kiri) dan Pn. Aminah Ali bersama penerima anugerah lain (kanan).